

## Transformasi Ekonomi dan Pemandaran di Koridor Kemaman-Dungun, Terengganu: Keterlibatan Isi Rumah Melayu

KATIMAN ROSTAM

### ABSTRAK

*Proses transformasi desa melalui pemandaran dan perindustrian sedang berlaku di Malaysia dengan kadar yang pesat. Selain proses pembangunan sedang tertumpu di sekitar Lembah Kelang, terdapat juga tanda-tanda yang menunjukkan kawasan di luar bandar yang mengalami perubahan. Antaranya ialah Koridor Kemaman-Dungun, Terengganu. Koridor ini terletak di pesisiran pantai di antara Chukai, Kemaman di selatan dan bandar Dungun di utara dengan tumpuan perubahan yang khusus di Paka dan Kerteh, dua bandar kecil yang didiami orang Melayu. Oleh sebab kedudukannya yang agak jauh dari pusat pertumbuhan dan kekurangan sumber alam, kawasan ini telah tersisih daripada arus pembangunan perdana. Hanya selepas penemuan petroleum dan gas di luar pantainya pada tahun 1976, penduduk dan ekonomi kawasan tersebut mengalami transformasi yang pesat melalui pelbagai program perindustrian dan pemandaran.*

*Kata kunci: Koridor pembangunan, Kemaman, Dungun, pemandaran desa*

### ABSTRACT

*The process of rural transformation through urbanization and industrialization is taking place at an increasingly fast rate. Outside of the Klang Valley, signs are abundant that rural areas are undergoing profound changes. The Kemaman-Dungun Corridor in Terengganu, situated in the coastal area between Chukai, Kemaman in the south and Dungun in the north, is an example. Most of the changes are concentrated around Paka and Kertih, two small towns populated by Malays. These are located far from centers of growth, and since they were lacking in natural resources, they had remained for a long time unaffected by the waves of development that engulfed other areas. It was only with the discovery of off-shore petroleum and gas in 1976 that the people and the region underwent various comprehensive industrialization and urbanization programs.*

*Key words: Corridor of development, Kemaman, Dungun, rural development*


## PENGENALAN

Kawasan pesisiran pantai Kemaman-Dungun boleh dianggap sebagai koridor pembangunan orang Melayu, lantaran majoriti penduduknya adalah orang Melayu. Sebelum penemuan petroleum dan gas asli, penduduk di koridor ini tinggal di petempatan tradisional. Kebanyakan mereka menjalankan aktiviti ekonomi seperti bertani, menangkap ikan dan berniaga secara kecil-kecilan. Penemuan petroleum dan gas asli di luar pantainya hampir tiga dekad yang lalu telah memberi kelebihan ekonomi kepada negeri tersebut. Berikutan royalti petroleum mula diterima pada 1978, ekonomi Terengganu telah distruktur semula. Penstrukturan ekonomi ini dilakukan bagi membolehkan Terengganu menjadi sebuah negeri maju menjelang 2020 (Terengganu 1999a, 1999b; 2002). Berdasarkan kelebihan sumber alam, pelbagai program pembangunan telah dilaksanakan agensi kerajaan negeri dan pusat. Perubahan ekonomi yang pesat ini telah meninggalkan impak yang positif ke atas penduduk orang Melayu di koridor itu. Hal ini penting untuk dijadikan sebagai tapak bagi pembinaan sebuah peradaban Melayu moden di pantai timur. Tetapi, tanda-tanda awal pembangunan di kawasan itu menunjukkan bahawa keadaannya tidak cukup menggalakkan. Isu ini menarik untuk diselidiki.

Sehubungan pengenalan di atas, rencana ini membincangkan proses pembandaran desa yang menyebabkan berlakunya perubahan ke atas bandar-bandar kecil orang Melayu serta respons isi rumah Melayu terhadap kegiatan ekonomi moden yang berkembang di kawasan yang berkenaan. Perbincangan itu diharap boleh membantu kita menilai aras dan corak keterlibatan orang Melayu dalam ekonomi moden setempat. Rencana ini turut menjelaskan sama ada program pembandaran dan perindustrian di kawasan itu berupaya membantu merubah status ekonomi isi rumah Melayu di situ.

### KORIDOR KEMAMAN-DUNGUN: PETEMPATAN ORANG MELAYU

Kawasan pesisir pantai yang menganjur dari Chukai, Kemaman, di selatan ke Dungun di utara adalah koridor pembangunan yang mengalami perubahan yang pesat (Rajah 1). Koridor ini sudah lama didiami orang Melayu. Dalam pelayaran dari Singapura ke Kelantan pada 1838, Abdullah Abdul Kadir Munshi mencatatkan keadaan petempatan orang Melayu di pantai timur yang tidak tersusun dan daif (Abdullah A. Kadir Munshi 1964). Petempatan yang dimaksudkan itu termasuk Kuala Dungun, Chukai, Paka, Kemasik, Kerteh dan Kijal. Pada zaman penjajahan Inggeris, petempatan itu yang terletak jauh dari pantai barat tidak banyak terpengaruh oleh aktiviti ekonomi, khususnya yang dimodali pelabur Eropah. Dominasi orang Melayu di bandar-bandar kecil itu berterusan sehingga Perang Dunia Kedua (Firth 1943) dan ke hari ini (Jadual 1).



RAJAH 1. Koridor Kemaman-Dungun, Terengganu

Dalam Laporan Banci Penduduk 1947 telah dicatatkan Dungun (Kuala Dungun) yang mempunyai penduduk sebanyak 4,256 orang dan Chukai dengan penduduknya seramai 4,521 orang itu adalah dua buah petempatan yang terpenting bagi daerah Dungun dan Kemaman. Majoriti penduduk di kedua-dua petempatan itu adalah orang Melayu. Kebanyakan mereka menjalankan aktiviti menangkap ikan dan bertani pada zaman penjajahan Inggeris, walaupun

JADUAL 1. Penduduk petempatan utama di pesisiran pantai Kemaman-Dungun pada 1947 dan 2000

Petempatan	Jumlah penduduk		% penduduk Melayu		% penduduk bukan Melayu	
	1947	2000	1947	2000	1947	2000
Chukai	6,635	16,095	68.1	97.6	31.9	2.4
Kuala Dungun	4,256	38,478	75.8	99.4	24.2	0.6
Kuala Kemaman	2,419	*	86.6	*	13.4	*
Kijal	2,065	4,375	91.9	99.9	8.1	0.1
Kuala Paka	1,698	10,599	80.7	91.7	19.3	8.3
Kemasik	1,298	1,896	89.6	98.8	10.4	1.2
Kerteh	1,071	3,064	89.3	99.1	10.7	0.9

Sumber: Del Tufo (1947) dan Malaysia 2001.

\*Dalam Banci Penduduk dan Perumahan 2000, Kuala Kemaman adalah sebahagian daripada Chukai.

ada juga yang berniaga secara kecil-kecilan di pekan-pekan berdekatan. Corak kehidupan dan sistem petempatan mereka tidak banyak berubah sehingga negara ini mencapai kemerdekaan. Selain itu, walaupun pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan di kawasan tersebut selepas merdeka, keadaan itu berlanjutan beberapa dekad kemudiannya. Hanya pada tahun 1980-an, petempatan di pesisiran pantai itu mengalami perubahan yang pesat berikutan petroleum di luar pantai Terengganu mula dikeluarkan secara komersil mulai 1982. Pengeluaran sumber alam baru itu telah menjadi teras pertumbuhan ekonomi kawasan itu dengan diikuti perkembangan bandar dan pambandaran yang berlaku dengan pesat.

#### PERUBAHAN EKONOMI MELALUI PERINDUSTRIAN DAN PEMBANDARAN

Strategi perdana pembangunan kawasan yang mundur pada umumnya adalah berdasarkan teori kutub pertumbuhan yang dikemukakan F. Perroux dan kemudian dikembangkan oleh R.J. Boudeville melalui ideanya tentang pusat pertumbuhan (Hermansen 1972; Hansen 1981). Di sebalik kelemahannya, idea tersebut telah diterima dengan meluas di negara-negara yang membangun (Appalraju & Safier 1976; Fu & Kamal Salih 1976). Menurut teori kutub/pusat pertumbuhan, setelah pusat-pusat yang dikenalpasti itu disuntikkan pelaburan modal sebagai pemangkin bagi pembangunan industri pembuatan yang berdaya saing, kawasan di sekitarnya akan beroleh manfaat melalui pautan ke hadapan dan ke belakang aktiviti pembuatan tadi. Akhirnya, keseluruhan wilayah akan maju justeru suntikan modal itu. Teori ini mempunyai potensi yang besar untuk

diterapkan bagi memajukan kawasan yang mundur di negara-negara yang membangun, termasuk Malaysia.

Salah satu wilayah di Malaysia yang menerap idea dan strategi pusat pertumbuhan itu ialah Koridor Kemaman-Dungun. Koridor itu adalah pusat pertumbuhan baru bagi pantai timur dengan tumpuan aktiviti di Kemaman. Ini bukan sahaja kerana kemudahan asasnya yang lebih baik, tetapi juga bekalan sumber alam yang banyak, maju dengan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan moden. Daerah Kemaman mempunyai kemudahan perhubungan telekomunikasi yang moden, bekalan air dan elektrik, pelabuhan air dalam yang baik, iaitu Pelabuhan Petrokimia Cair di Kerteh dan Pelabuhan Kemaman serta kehampirannya dengan lapangan terbang Kuantan, selain Lapangan Terbang Kerteh. Oleh itu, kemajuan yang dicapai melalui pelbagai aktiviti ekonomi perindustrian dan perkhidmatan itu adalah cukup pesat. Oleh itu, sepanjang tempoh 1996-2000, sebanyak 79 projek perindustrian telah diluluskan oleh kerajaan Terengganu dengan melibatkan modal kira-kira RM13.2 bilion. Daripada jumlah itu, lebih 60 peratus bertumpu di koridor ini. Kebanyakan modal adalah Pelaburan Langsung Asing dalam sektor petrokimia, elektrik dan elektronik. Kesemuanya memberi kesan yang besar ke atas pembangunan kawasan itu. Hal ini juga dapat dibuktikan melalui pencapaian KDNK daerah Kemaman (RM3.916 bilion) sebanyak lebih tiga kali ganda KDNK daripada daerah Dungun (RM1.034 bilion). Perkembangan itu menunjukkan kelebihan daya saing daerah Kemaman dalam konteks pembangunan koridor pantai timur. Perkembangan industri asas sumber yang pesat telah membantu pembangunan daerah tersebut (Terengganu 2002).

Sebagai kawasan yang baru dimajukan, Koridor Kemaman-Dungun sedang mengalami proses perindustrian yang pesat. Perubahan ruang ekonomi yang berlaku itu sangatlah ketara. Selain landskap fizikal, landskap budaya di kawasan tersebut juga mengalami transformasi. Perubahan guna tanah daripada pertanian dan belukar kepada bangunan yang menempatkan pelbagai aktiviti ekonomi serta rumah kediaman dapat diperhatikan di sepanjang koridor itu kerana proses perindustrian yang berlaku kira-kira dua puluh tahun lalu. Lihat Jadual 2 tentang pelbagai aktiviti perindustrian dijalankan di koridor ini.

Pada permulaannya, aktiviti industri berkembang di Jakar I, Jakar II dan Jakar III, Chukai. Kebanyakan industri itu ringan dan bersaiz sederhana, termasuk kilang elektrik dan elektronik, selain perabut, papan dan *veneer*, kabel dan keluli. Kawasan ini dimajukan PMINT dan telah menarik pelaburan asing, selain pelabur tempatan. Di kawasan perindustrian yang baru, khususnya di Telok Kalong dan Kerteh, lebih banyak industri yang besar yang berasaskan petroleum dan gas. Industri seperti besi keluli, titanium dioksida, serbuk batu kapur, asid sulfurik dan tawas, kejuruteraan, memproses amang tembaga, anthrida dan fabrikasi logam pula berkembang di Telok Kalong. Selain MIEL, sektor swasta telah juga diundang untuk memajukan tapak perindustrian di Telok Kalong. Industri yang lebih moden, seperti pembuatan paip keluli berkimpal

JADUAL 2. Kategori dan jenis perindustrian di daerah Dungun dan Kemaman, 2000

Kategori industri	Jenis industri dan produk	
	Dungun	Kemaman
	Kawasan perindustrian Paka, Batu 7, Tok Arun, Pulau Serai	Kawasan perindustrian Jakar I, II, & III, Kerteh, Telok Kalong
Industri ringan & IKS	Tembakau, tekstil, makanan, papan, perabut, bot, bukan logam, alat logam, plastik & percetakan	Tembakau, tekstil, makanan, papan, perabut, alat logam, & percetakan
Industri elektrik & elektronik	–	Peralatan elektronik, stereo, kabel, kawat dan perkakas rumah
Industri berat	–	Besi-keluli, bateri, batu kapur, asis & tawas, kejuruteraan, tembaga, fabrikasi, Maleic & Phthalic Anthydriride
Industri kimia	Kimia	Gas cair karbon dioksida, aluminium klorida, asid sulfurik, alkali, oksigen
Industri petrokimia	Proses gas, logam, dan petrokimia	Proses gas, penapisan petroleum. Ethylene dan polyethylene, minyak mentah, pembotolan gas, ammonia, aromatik, Naphta, kerosene, diesel, propylene, ethylene glycol , butyl acetate, butanol, poly vinyl klorida, resin

- Sumber:*
1. Terengganu. 2002. *Laporan Ekonomi Negeri Terengganu 2001-2002*. Gong Badak (KT): Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
  2. Kemaman. 2001. *Profil Pembangunan Daerah Kemaman*. Gong Badak (KT): Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
  3. Dungun. 2000. *Taklimat Pembangunan Daerah Dungun*. Dungun: Pejabat Daerah Dungun.
  4. Terengganu. 2001. Terengganu: *The Land of Golden Opportunities*. Kuala Terengganu: PEN.

oleh Syarikat Hyundai, hidrogen peroksida, gas untuk perindustrian, elektrod bergrafit, perawatan sisa berjadual dan karbondioksida cair sedang dimajukan di Telok Kalong dengan melibatkan pelabur asing.

Industri yang berasaskan bahan kimia, petroleum dan gas, seperti loji penapisan minyak, loji memproses gas, etilena dan polietilena selain terminal petroleum dan gas bertumpu di sekitar Kerteh. Banyak lagi projek perindustrian petrokimia sedang dimajukan di Kerteh. Ini termasuk ethylene II bagi menghasilkan bahan seperti etilena oksida, *butylene o-gyuco* dan *oxy*-butena, vinil klorida, *monomer*, asid asetik, bahan aromatik termasuk *paraxylene* dan bezena, gas amonia dan *slugcatcher*. Petronas bersama Union Carbide yang membentuk syarikat usahasama Optimal Olefins Malaysia Sdn. Bhd. telah menjadi pemaju utama di Kompleks Petrokimia Kerteh. Syarikat lain yang terlibat memajukan kawasan ini adalah Mitsui, Land and General, British Petroleum dan Mitshubishi.

Kompleks Petrokimia Bersepadu membahagikan aktiviti pemerosesan dan pembuatan bahan petrokimia, khususnya gas etilena, kepada beberapa aktiviti. Tunjang kepada aktiviti itu ialah proses pemecahan gas yang dikendalikan di bawah Optimal Crackers II. Selepas dipecah, etilena akan digunakan bagi pembuatan tiga komponen asas: pertama, etilena dan bahan sampingan seperti etilena oksida, etilbenzena, monomer, polietilena, etil klorida, vinil dan aplikasi ini boleh menghasilkan pelbagai barang, termasuk perkakas elektrik, elektronik, cawan, barangan mainan, kasut, sabun dan bahan pelarut; kedua, bahan aromatik, khususnya *paraxylene* dan bezena dengan aplikasi bahan tersebut menghasilkan barangan seperti serat *polyster*, resins, tayar, akrilik, busa, pemadam api, paip dan bahan lantai; ketiga bahan propilena, iaitu bahan asas bagi menghasilkan komponen plastik kenderaan seperti gasket, penutup minyak, sesalur, bateri, pita plastik, polister tak tepu, barangan kosmetik, sabun, cat, bahan campuran kertas dan kulit. Kompleks Petrokimia Kerteh ini dilengkapi kemudahan seperti depoh pemunggahan barangan pukal, terminal LNG, kemudahan marin, dermaga air dalam, selain lebuh raya, landasan keretapi Kerteh-Pelabuhan Kuantan dan lapangan terbang. Sejak 2001, Kompleks Petrokimia Bersepadu Kerteh ini telah meningkatkan koridor ini sebagai hub petrokimia Malaysia.

Tidak seperti Kemaman yang sudah lama melalui proses perindustrian dan dianugerahi petroleum di luar pantainya, perkembangan industri di daerah Dungun banyak bergantung pada kemajuan di sempadan Kerteh, khususnya Paka. Paka menempatkan loji janakuasa elektrik, iaitu loji Penjanakuasa Elektrik Sultan Ismail (keluaran 1,300 MV) dan Loji Penjanakuasa Elektrik YTL (keluaran 800 MV) yang disambungkan dengan sistem grid kebangsaan. Paka yang terletak berhampiran dengan pusat perindustrian Kerteh telah mempunyai banyak industri petrokimia yang sedang dimajukan. Begitu juga Tok Arun yang sedang dimajukan sebagai satu lagi pusat pemerosesan gas oleh PETRONAS. Selain Paka dan Tok Arun, Batu Tujuh dan Pulau Serai, yang berhampiran dengan Dungun, juga adalah sebuah lagi kawasan perindustrian. Tetapi, Pulau Serai belum banyak

menarik pelaburan baru walaupun sudah lama dibuka. Sementara itu, Batu Tujuh adalah kawasan perindustrian baru yang dilengkapi pusat latihan yang akan dijadikan pusat pengeluaran barangan asas plastik, aktiviti yang relevan kepada industri petrokimia di Kerteh dan Tok Arun.

Dapat disimpulkan bahawa program perindustrian di Koridor Kemaman-Dungun bertumpu di kawasan tertentu telah mempunyai pelbagai aktiviti pengeluaran moden yang berskala besar dan sederhana. Keluaran utamanya ialah elektrik dan elektronik, besi dan keluli, petroleum dan gas asli dengan produk utamanya bahan asas ethylene, aromatik dan propylenes dan penjaan tenaga elektrik.

### PEMBANDARAN DAN PERUBAHAN FUNGSI BANDAR

Proses pembandaran di Dungun dan Kemaman agak pesat, walaupun proses itu tidak menyeluruh. Pertambahan penduduk di kedua-dua bandar itu hanya berlaku di kawasan tertentu, khususnya di pusat yang menempatkan aktiviti pembuatan moden. Walau bagaimanapun, pembandaran dan perindustrian telah banyak mempengaruhi fungsi dan peranan bandar yang berkenaan.

Pusat-pusat yang mengalami pertumbuhan penduduk yang pesat adalah tempat-tempat yang baru dimajukan dan kawasan desa di sekitar bandar-bandar kecil itu dengan aktiviti pembuatan. Kemasukan penduduk beramai-ramai telah memesatkan pertumbuhan pusat-pusat tersebut. Kawasan yang terletak berhampiran laluan Lebuhraya Persekutuan Kuantan-Kuala Terengganu pula telah menjadi pilihan pemaju hartanah. Kawasan di pinggir bandar dengan keadaan fizikal yang baik juga telah dibangunkan kilang, rumah dan kedai. Sebahagian perkembangan itu ditunjukkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Penduduk petempatan utama di koridor Kemaman-Dungun 1980, 1991 dan 2000

Bandar	1980		1991		2000	
	Bilangan	Bilangan	% Purata pertumbuhan	Bilangan	% Purata pertumbuhan	
Chukai	16,125	17,765	0.88	16,052	-1.12	
Dungun	29,630	36,529	1.90	36,429	-0.03	
Kerteh	2,264	2,832	2.03	3,052	0.83	
Paka	4,342	7,207	4.61	10,675	4.36	
Kemasek	1,778	1,688	-0.46	1,916	1.41	
Kijal	3,810	4,250	0.99	4,226	-0.06	

Sumber: Diolah daripada *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 1980-2000*.

Proses pembandaran tidak bertumpu di pusat bandar, tetapi juga di pinggir dan luar bandar di sekitarnya. Perkembangan penduduk di kawasan luar bandar kecil, khususnya di kawasan tepu bina Koridor Kemaman-Dungun di sekitar Paka dan Kerteh telah ditunjukkan dalam Jadual 4:

JADUAL 4. Penduduk kawasan tepubina di koridor Kemaman-Dungun

Petempatan	Penduduk 1991			Penduduk 2000		
	Bandar	Kawasan tepubina	Jumlah	Bandar	Kawasan tepubina	Jumlah
Dungun	36,529	4,753	41,282	38,429	11,737	50,166
Chukai	17,765	26,010	43,775	16,052	46,823	62,875
Paka	—	—	—	10,675	7,860	18,535
Kerteh	2,832	10,122	12,954	3,053	15,232	18,285

Sumber: Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2000.

Pembangunan industri yang berasaskan petroleum dan gas di sekitar Paka dan Kerteh telah mendorong pertumbuhan penduduknya. Kawasan desa yang sebelumnya kurang mendapat perhatian telah dimajukan dengan kawasan perumahan dan perniagaan baru yang moden dibangunkan tidak jauh dari pusat pertumbuhan ekonomi. Hasilnya, pembandaran desa telah berlaku dengan pesat. Berikutan bandar-bandar baru dibina berhampiran dengan kawasan perindustrian, penduduk tidak lagi bertumpu di kawasan bandar lama, tetapi juga di kawasan perumahan yang baru. Di sekitar Kemaman dan Kertih, misalnya, penduduk yang mendiami kawasan tepubina adalah lebih banyak berbanding dengan penduduk di kawasan bandar lama. Dengan kata lain, proses pemodenan telah banyak mengubah landskap fizikal dan budaya di kawasan yang berkenaan akibat pembinaan kemudahan asas, jalan raya, komunikasi yang moden serta perkhidmatan yang lain.

Pembandaran kini lebih bertumpu di kawasan desa yang sebelum ini adalah petempatan nelayan, khususnya Paka dan Kerteh. Pembandaran hasil pembukaan kawasan perumahan baru pesat berlaku selepas tahun 1980-an. Perkembangan itu berkaitan dengan pembangunan industri yang berasaskan petroleum yang mula dimajukan sejak 1980-an. Perkembangan ini juga telah mencorakkan fungsi bandar-bandar kecil di koridor tersebut.

## PERKEMBANGAN FUNGSI MODEN BANDAR KECIL ORANG MELAYU

Pemodenan ekonomi di Koridor Kemaman-Dungun telah mengubah peranan dan fungsi bandar di situ. Peranan dan fungsi tradisional bandar-bandar di koridor

tersebut sebagai pusat pengumpul dan pemasaran hasil pertanian, termasuk ikan, telah merosot secara perlahan-lahan. Kini, pelbagai fungsi moden telah ditawarkan. Peranan bandar-bandar itu telah berubah menjadi pusat perindustrian dan perniagaan moden. Fungsi baru itu adalah untuk memenuhi keperluan perlombongan minyak dan gas, pembuatan moden, perniagaan dan perkhidmatan moden untuk memenuhi keperluan pengguna yang telah terbandar. Fungsi yang dimaksudkan itu termasuk pembekal dan servis alat/jentera petrokimia, servis jentera berat, perkhidmatan kimpalan besi, perunding pengangkutan, perjalanan/tiket, ejen perantara/hantaran laju/khas, pembekal peralatan makmal/keselamatan, perunding pengurusan, kejuruteraan elektrik dan awam, perkhidmatan insurans, firma peguam, perunding alam sekitar, ejen perkapalan dan pengurusan sisa. Kebanyakan perkhidmatan moden itu ditujukan kepada syarikat yang terlibat dengan perlombongan, penapisan petroleum, gas dan industri pembuatan. Selain itu, banyak syarikat asing yang besar telah menubuhkan cawangan di koridor ini.

Perkembangan industri perlombongan dan pembuatan juga telah menggalakkan pertumbuhan pelbagai perniagaan barangan dan perkhidmatan pengguna moden. Ini bukan sahaja telah mencetuskan permintaan tinggi terhadap barangan pengguna moden, tetapi juga telah merancakkan pertumbuhan perniagaan, seperti pasaraya moden, *cash and carry*, pusat keperluan bayi, motosikal, basikal dan kereta. Kemudahan seperti pusat senam aerobik, ejen telefon bimbit, ASTRO, klinik swasta, bank dan institusi kewangan juga berkembang dengan pesat di koridor tersebut, khususnya di Chukai dan Kertih. Perubahan telah juga berlaku di luar pusat bandar tradisional, khususnya di zon tepu bina bandar-bandar baru berhampiran bandar Chukai, Paka dan Kerteh. Bandar kecil yang lain, seperti Dungun dan Kemasek, kurang mengalami perubahan. Lihat Jadual 5.

Pada keseluruhannya, bandar-bandar kecil orang Melayu di koridor itu telah mengalami transformasi fungsi yang ketara. Perubahan di pusat-pusat yang baru ini telah mengubah peranan bandar tradisional daripada pertanian dan perikanan kepada perindustrian dan perkhidmatan moden. Perubahan ini penting bagi membolehkan bandar-bandar kecil di koridor ini menyokong perlombongan dan pembuatan yang berasaskan petrokimia.

#### KETERLIBATAN ISI RUMAH MELAYU DALAM AKTIVITI EKONOMI

Dari segi teori, perkembangan yang pesat di pusat-pusat pertumbuhan yang baru ini mampu meninggalkan impak sosial dan ekonomi secara positif pada penduduk di sekitarnya. Perubahan yang pesat di Koridor Kemaman-Dungun telah memberi faedah kepada orang Melayu di kawasan itu. Tetapi, oleh kerana ekonomi yang berkembang di kawasan itu bersifat yang moden dan maju, banyak

JADUAL 5. Fungsi bandar di koridor Kemaman-Dungun masa kini

Fungsi	Bandar					
	Kemaman	Dungun	Paka	Kerteh	Kemasek	Kijal
Restoren/kedai makan (selain warung)	140	132	47	50	25	6
Kedai runcit keperluan asas/pasar mini	95	107	30	10	15	11
Alat ganti/aksesori/tayar/cat/bateri kereta	34	33	15	2	0	0
Baiki motorsikal/servis	11	18	16	1	6	0
Perkakas elektrik	38	24	14	5	2	1
Kedai pakaian/batik	20	19	6	3	0	0
Kedai buku, alat tulis & surat khabar	19	8	1	2	0	1
Kedai jahitan/butik/pakaian pengantin/alat	19	22	4	1	0	0
Perkakas logam/plastik/pembekal cat	18	13	7	1	1	0
Sekolah (rendah/menengah/teknik)	10	6	4	3	2	2
Kedai perabot	16	9	5	2	0	0
Kedai gunting/dandan rambut	11	12	6	4	1	0
Bengkel kejuruteraan logam/kimpalan	28	2	1	0	0	0
Kedai emas/pajak gadai	22	13	2	1	1	0
Kedai gambar/fotokopi	21	18	11	4	0	0
Hotel	12	8	5	2	1	0
Bank/Syarikat kewangan	16	10	1	4	0	0
Klinik kesihatan/gigi swasta	13	9	9	4	1	1
Kedai komputer/latihan/cybercafe	12	16	11	7	0	0
Kontraktor binaan/pemaju perumahan	13	5	5	0	2	0
Kelab/persatuan/pejabat parti politik	16	15	3	3	2	1
Kedai kasut/beg	12	6	2	0	0	0
Pembekal peralatan telaga minyak/servis	27	1	6	5	0	1
Ejen insurans	24	15	11	4	0	0
Kimpalan jeriji besi	11	9	1	2	0	1
Bengkel servis kejuruteraan jentera berat	13	5	11	0	0	0

samb.

JADUAL 5. sambungan

Fungsi	Bandar					
	Kemaman	Dungun	Paka	Kerteh	Kemasek	Kijal
Telefon bimbit/alat telekomunikasi	15	12	6	1	0	0
Firma peguam cara & bela	8	2	0	0	0	0
Pasaraya/emporium/ <i>Cash &amp; Carry</i>	9	7	1	1	1	1
Pembekal baja/racun perosak pertanian	4	2	0	0	0	0
Ejen/khidmat penghantaran laju/khusus	7	5	2	2	0	0
Peralatan makmal/keselamatan/teknikal	5	1	2	2	1	0
Sekolah memandu	6	1	1	0	0	0
Peralatan kimpalan/gas/bekal oksigen	6	0	1	0	0	0
Stokis jualan langsung	6	3	2	2	0	0
Kedai jam	5	2	1	0	0	0
Kiosk/stesen minyak	7	4	3	1	0	0
Hospital/klinik kesihatan awam	2	2	1	1	1	1
Ibu/Pejabat Polis	1	2	1	1	1	0
Pusat latihan MLVK/MLVM/PLUK	3	7	0	1	0	0
Ageni iklan	4	7	1	0	0	0
Pembekal peralatan nelayan	1	7	2	0	0	0
Perunding (pelbagai kepakaran)	12	0	11	9	2	2
Optometri/cermin mata/optikal	5	5	1	2	0	0
Dobi/servis cuci pakaian	7	4	3	1	1	0
Servis percukaian/firma perakauman	3	1	0	1	0	0
Ejen perjalanan/tiket	9	2	2	1	1	0
Bahan binaan/ceramik	8	13	6	1	3	0
Servis peralatan kilang	8	0	1	0	0	0
Lain-lain perkhidmatan	152	136	57	27	7	5
Jumlah	964	756	341	154	75	34

Sumber: Kerja luar 2003.

prasyarat penglibatan dari segi kemahiran, kelulusan akademik, pengalaman dan modal yang diperlukan. Hal ini perlu diselidiki dengan lebih lanjut.

Untuk melihat keterlibatan isi rumah di Koridor Kemaman-Dungun dalam aktiviti ekonomi, satu kaji selidik telah dijalankan pada September 2002 dan Mei 2003. Ia ditumpukan kepada keterlibatan isi rumah dalam aktiviti ekonomi, khususnya perindustrian dan perkhidmatan yang berkembang di kawasan itu. Bagi tujuan itu, dua set kaji selidik telah dijalankan. Kaji selidik yang pertama dijalankan di kalangan semua isi rumah yang tinggal di petempatan utama, termasuk Dungun, Paka, Kerteh, Kemasek, Kijal dan Chukai. Tujuannya adalah untuk melihat perubahan sosio-ekonomi melalui keterlibatan isi rumah dengan aktiviti ekonomi di kawasan itu. Untuk tujuan itu, sebanyak 334 ketua isi rumah telah dipilih sebagai sampel secara rawak. Sejumlah 92 peratus yang dipilih sebagai responden adalah lelaki. Manakala dari segi etnik, kira-kira 96 peratus sampel adalah isi rumah Melayu dan selebihnya Cina. Gerakan kaji selidik yang kedua pula bertujuan untuk melihat latar belakang perniagaan di kalangan pengusaha yang aktif di bandar kecil di koridor tersebut. Sebanyak 130 peniaga dan pengusaha di bandar-bandar kecil telah dipilih secara sistematik. Daripada jumlah tersebut, 87 peratus adalah lelaki. Majoriti (74 peratus) adalah pengusaha Melayu dan selebihnya 26 peratus adalah pengusaha Cina. Maklumat daripada kaji selidik tersebut telah dianalisis dan hasilnya dibincangkan selanjutnya.

#### LATAR BELAKANG ISI RUMAH

Hasil kajian tentang perubahan sosio-ekonomi isi rumah di Koridor Kemaman-Dungun telah menunjukkan beberapa perkara yang menarik. Pada asasnya, 96 peratus isi rumah di Koridor Kemaman-Dungun adalah orang Melayu. Sebanyak 59.4 peratus mereka berumur antara 30 hingga 50 tahun. Sejumlah 54 peratus ketua isi rumah dilahirkan di daerah Kemaman atau Dungun. Majoriti (78 peratus) ketua isi rumah telah tinggal di koridor ini melebihi 10 tahun. Hanya kira-kira 22 peratus sahaja ketua isi rumah yang menetap di sini kurang daripada 10 tahun. Ramai penghijrah (ketua isi rumah yang tidak dilahirkan di daerah Kemaman atau Dungun) yang berasal dari Kuala Terengganu (26 peratus), 37 peratus berasal dari daerah lain di Terengganu dan selebihnya 37 peratus yang lain berasal dari luar Terengganu, khususnya dari negeri Selangor, Pahang dan Kelantan.

Dari segi taraf pendidikan, ketua isi rumah di koridor ini rata-rata (70 peratus) berpendidikan tidak melebihi sekolah menengah. Tidak ramai (22 peratus) ketua isi rumah memiliki diploma atau ijazah. Jumlah isi rumah yang tidak pernah bersekolah atau berpendidikan lain umumnya adalah terlalu kecil (8.0 peratus). Di kalangan ahli isi rumah yang lain pula, khususnya anak-anak juga, tidak menunjukkan perbezaan yang nyata. Perbezaan hanya boleh diperhatikan pada bilangan anak-anak pertama dan kedua yang mendapat pendidikan peringkat universiti atau kolej yang didapati lebih ramai berbanding

ibu bapa mereka. Bagaimanapun peratusannya juga masih rendah dan tidak jauh berbeza masing-masing 11.4 peratus dan 11.0 peratus. Walaupun rendah, isi rumah di kawasan ini umumnya mempunyai pendidikan asas yang baik. Ini melayakkan mereka untuk terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti ekonomi moden seperti pembuatan, perkhidmatan dan perniagaan, yang sedang berkembang di kawasan tersebut. Isu yang menarik di sini ialah pada aras manakah penglibatan mereka?

#### KETERLIBATAN ISI RUMAH DENGAN AKTIVITI EKONOMI MODEN

Bagi Koridor Kemaman-Dungun, sektor pertanian dan juga perikanan boleh dianggap sebagai ekonomi tradisional yang suatu ketika dahulu menjadi tunggak pembangunan kawasan tersebut. Kini, keadaan telah banyak berubah. Kemajuan pesat aktiviti perlombongan, termasuk pemerosesan petroleum dan gas, telah menggalakkan aktiviti hiliran melalui pautan hadapan, khususnya pembuatan, perniagaan dan perkhidmatan pelengkap. Sektor sekunder dan tertier ini bolehlah dianggap sebagai sektor moden dalam konteks pembangunan koridor ini.

Kepentingan koridor ini, khususnya di Kerteh dan Paka, sebagai pusat pertumbuhan utama di pantai timur telah dijelaskan sebelum ini. Lebih separuh daripada 5,727 hektar tanah yang dimajukan untuk perindustrian di Terengganu terdapat di koridor ini. Begitu juga dengan peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan: sebahagian besarnya terdapat di daerah ini. Hingga 2002, tidak kurang 20,000 peluang pekerjaan baru dapat disediakan oleh sektor pembuatan (Terengganu 2002). Ini membayangkan bahawa peluang untuk bekerja dalam sektor ekonomi moden di kawasan ini adalah lebih luas berbanding dengan daerah lain di Terengganu. Ramai yang bekerja di sekitar Paka dan Kerteh (Jadual 6).

JADUAL 6. Tempat bekerja isi rumah

Tempat kerja	Ketua isi rumah	Isteri/pasangan	Anak pertama	Anak kedua	Anak ketiga
Sekitar Kerteh/Paka	61.7	69.7	45.1	25.0	28.5
Sekitar Kijal/Kemasek	10.7	3.0	8.1	9.1	0.0
Sekitar bandar Dungun	12.7	15.2	1.6	11.4	9.5
Sekitar bandar Chukai	7.8	12.1	3.2	6.8	4.8
Dalam daerah Kemaman	1.3	0.0	3.0	4.5	14.3
Dalam daerah Dungun	3.9	0.0	4.8	2.3	4.8
Luar Kemaman/Dungun	1.9	0.0	34.0	40.9	38.1
Jumlah	100.0	100.0*	100.0	100.0	100.0
(n)	(308)	(33)	(62)	(44)	(21)

\* Tidak termasuk pekerjaan sebagai suri rumah

JADUAL 7. Pekerjaan isi rumah

Pekerjaan utama	Ketua isi rumah (%)	Isteri/pasangan (%)	Anak pertama (%)	Anak kedua (%)	Anak ketiga (%)
Petani/nelayan	17.5	0.9	26.1	4.1	18.2
Peniaga & pengusaha	18.7	1.8	4.8	1.2	0.0
Pengurus & ikhtisas	15.3	4.8	7.2	4.3	0.0
Perkeranian & teknikal	9.4	0.4	23.8	38.2	36.4
Buruh am & pemandu	15.6	0.9	26.2	33.4	36.4
Lain-lain (tidak tetap)	14.2	89.2*	9.5	14.2	9.0
Polis, tentera & bomba	2.7	0.0	2.4	4.6	0.0
Pesara	6.6	2.0	0.0	0.0	0.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
(n)	(334)	(334)	(62)	(44)	(21)

\* Termasuk suri rumah

Kajian ke atas isi rumah di Koridor Kemaman-Dungun menunjukkan bahawa kebanyakan isi rumah, sama ada ketua isi rumah atau anak-anak mereka, bekerja di sekitar Paka dan Kerteh, kawasan yang paling pesat mengalami perkembangan ekonomi. Kajian juga menunjukkan bahawa pada masa ini, hanya 15.3 peratus sahaja ketua isi rumah yang bekerja dalam kategori pengurusan dan ikhtisas, 18.7 peratus sebagai peniaga dan pengusaha, 9.4 peratus dalam pekerjaan teknikal dan perkeranian, 15.6 peratus terlibat dengan pekerjaan yang tiada kemahiran atau berkemahiran rendah seperti pengawal keselamatan, buruh am dan pemandu kenderaan. Manakala 17.5 peratus yang lain masih terlibat dalam pekerjaan primer sebagai petani dan nelayan. Jadual 7 memperincikan keterlibatan isi rumah dalam pelbagai pekerjaan di kawasan ini.

Di sebalik kepesatan pembangunan ekonomi wilayah ini, masih agak banyak isi rumah dan anak pertama mereka yang terlibat dengan aktiviti sektor primer, sama ada sebagai petani atau nelayan. Walaupun demikian, jumlah anak-anak kedua dan ketiga responden yang bekerja sebagai kakitangan teknikal dan perkeranian, selain buruh am, juga besar. Keadaan ini menunjukkan kecenderungan di kalangan generasi muda untuk menceburi bidang ekonomi bandar, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan perindustrian; tetapi penglibatan mereka pada tahap yang rendah, iaitu dalam pekerjaan yang kurang memerlukan kemahiran. Tidak ramai orang muda terlibat dengan sektor pengurusan dan ikhtisas. Jika ini dijadikan penunjuk kepada penglibatan penduduk dengan kegiatan ekonomi moden perindustrian dan perkhidmatan di kawasan tersebut, maka aras penglibatan mereka dapat dikatakan sebagai amat rendah. Jadual 8 turut menjelaskan hal tersebut.

JADUAL 8. Pendapatan bulanan (RM) isi rumah (%) daripada pekerjaan utama

Pendapatan bulanan (RM)	Ketua isi rumah	Isteri/pasangan	Anak pertama	Anak kedua	Anak ketiga	Jumlah isi rumah
Kurang 1,000	49.4	54.1	65.2	66.7	60.0	33.7
1,001–2,000	33.9	37.8	26.1	29.6	30.0	34.9
2,001–3,000	8.2	8.1	8.7	3.7	10.0	18.6
3,001–4,000	3.0	–	–	–	–	4.5
4,001–5,000	4.2	–	–	–	–	3.8
Melebihi 5,001	1.3	–	–	–	–	4.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
(n)	334	33	46	27	10	334

*Nota:* Hanya anak-anak yang tinggal bersama diambil kira bagi tujuan penjumlahan pendapatan isi rumah.

Majoriti ketua isi rumah berpendapatan bulanan kurang daripada RM2,000 dengan sebahagian besarnya di bawah RM1,000. Begitu juga dengan pendapatan bulanan anak-anak mereka. Namun, lebih 66 peratus isi rumah mempunyai jumlah pendapatan bulanan melebihi RM1,000. Ini menunjukkan bahawa majoriti penduduk koridor Kemaman-Dungun bukan kumpulan penduduk miskin, walaupun hanya kira-kira 13 peratus yang boleh dianggap berpendapatan sederhana (melebihi RM3,000). Penumpuan isi rumah dalam pekerjaan yang kurang memerlukan kemahiran seperti pemandu, buruh am di kilang atau firma, pengawal keselamatan, pencuci bangunan, penghantar surat atau dalam aktiviti perniagaan skala kecil termasuk penjaja, peniaga gerai di pasar dan warung, atau pengusaha yang menjalankan aktiviti pengeluaran seperti batik, keropok, kraftangan secara kecil-kecilan, menjelaskan kerendahan pendapatan mereka.

Keadaan yang serupa juga dapat diperhatikan dalam bidang perniagaan. Keterlibatan isi rumah dengan aktiviti tersebut banyak bertumpu dalam perniagaan yang bermodal dan berskala kecil, seperti peniaga runcit, peniaga di pasar, penjaja atau pengusaha kilang kecil-kecilan. Ini sekali lagi menunjukkan kegagalan isi rumah di Koridor Kemaman-Dungun untuk mengambil peluang ekonomi yang terbuka luas melalui proses perindustrian yang pesat di kawasan tersebut. Hal yang serupa turut didapati oleh Khairus Husin (2002) dalam kajiannya di kawasan tersebut.

Perkembangan industri menjana pelbagai peluang perniagaan sama ada dalam subsektor peruncitan ataupun penyediaan perkhidmatan. Perniagaan adalah salah satu kesan pengganda yang sememangnya dijangkakan dalam proses pembangunan, khususnya melalui perindustrian di sesebuah kawasan. Bahagian berikut ini akan menjelaskan dengan lebih lanjut lagi aras keterlibatan isi rumah di Koridor Kemaman-Dungun dengan aktiviti perniagaan.

## STATUS KETERLIBATAN ISI RUMAH DENGAN AKTIVITI PERNIAGAAN

Satu kaji selidik khusus telah dijalankan untuk melihat corak penglibatan isi rumah di Koridor Kemaman-Dungun dalam aktiviti perniagaan. Untuk tujuan tersebut sebanyak 130 peniaga yang aktif menjalankan perniagaan di sekitar pusat-pusat perniagaan utama, termasuk Chukai, Dungun, Paka, Kerteh, Kemasek dan Kijal telah dikaji. Persampelan telah diambil secara sistematik dengan melibatkan peniaga yang berniaga di premis perniagaan utama di kawasan tersebut. Mereka terdiri daripada peniaga Melayu (73 peratus) dan peniaga Cina (26 peratus). Majoriti peniaga (87 peratus) adalah kaum lelaki dan selebihnya (13 peratus) perempuan. Rata-rata (60 peratus) peniaga berumur antara 35 dan 50 tahun. Sejumlah 64.7 peratus daripada mereka mendapat pendidikan sekurang-kurangnya hingga tamat sekolah rendah. Jadi, rata-rata peniaga di sini adalah orang lelaki Melayu yang berpendidikan sederhana yang berada pada peringkat umur pertengahan. Jenis-jenis perniagaan mereka ditunjukkan dalam Jadual 9.

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa sebahagian besar peniaga Melayu (87 peratus) terlibat dengan aktiviti perniagaan skala kecil, kebanyakannya tidak formal. Mereka menjalankan perniagaan di warung atau pondok dan gerai di

JADUAL 9. Jenis perniagaan yang diceburi peniaga

Jenis perniagaan	Peratus
Warung makan	16.2
Kedai runcit makanan kering	12.3
Alat tulis dan surat khabar	7.7
Peniaga gerai di pasar/pasar malam	6.9
Membaiki kenderaan	6.2
Menjual komputer, khidmat ICT & telefon bimbit	6.2
Buah-buahan	6.2
Bahan binaan, logam, cermin, bingkai dll.	5.4
Peralatan rumahtangga	4.6
Pakaian & tekstil	3.8
Menjual barangan kemas & jam	3.8
Perkhidmatan profesional (klinik & konsultan)	3.8
Menjual perabot	3.1
Menjual motor & kereta	3.1
Menjual perkakas elektrik	2.3
Hotel & chalet	0.8
Perniagaan kewangan & insurans	0.8
Perniagaan lain	6.8
Jumlah	100.0

sekitar pusat-pusat utama. Umumnya, penglibatan isi rumah Melayu di Koridor Kemaman-Dungun dalam perniagaan masih bertumpu dalam aktiviti peretailan. Sebahagian besar peniaga menjual barangan keperluan harian yang asas seperti makanan basah di warung, pasar, kedai runcit, gerai buah-buahan, menjual perkakas rumah dan membaiki kenderaan. Bagaimanapun, terdapat sejumlah kecil peniaga yang aktif dalam perniagaan profesional seperti membuka klinik kesihatan, perkhidmatan penghantaran, pengawal keselamatan, perundingan dan baik pulih. Ini menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil peniaga telah dapat merebut peluang menceburi lapangan perniagaan moden seperti penyediaan perkhidmatan profesional, perundingan, baik pulih peralatan dan restoren yang eksklusif bagi memenuhi keperluan pengguna moden yang bekerja dalam sektor pembuatan.

Rata-rata skala perniagaan yang dijalankan peniaga di kawasan ini adalah yang kecil dan sederhana. Jadual 10 menunjukkan kebanyakan peniaga, khususnya Melayu (60.8 peratus) mempunyai modal kurang daripada RM20,000. Walaupun demikian, sebahagian peniaga (21.5 peratus) memiliki modal pusingan yang agak besar, antara RM20,001 dengan RM50,000. Ada sebilangan (17.7 peratus) peniaga atau pengusaha mempunyai modal pusingan melebihi RM50,000. Ini menunjukkan walaupun perniagaan skala kecil melibatkan banyak peniaga, tetapi ada juga perniagaan yang berskala sederhana. Perniagaan skala sederhana ini umumnya diusahakan oleh peniaga keturunan Cina.

Dari segi pemilikan, majoriti perniagaan dimiliki oleh individu (69.2 peratus) atau syarikat sendirian berhad (13.8 peratus) dalam keluarga. Kebanyakan (54.8 peratus) perniagaan dikendalikan oleh ahli keluarga dengan jumlah pekerja tidak lebih dua orang. Manakala sebahagiannya menggaji pekerja antara tiga dengan lima orang. Bagaimanapun, ada juga (12.3 peratus) perniagaan yang dikendalikan oleh enam orang atau lebih pekerja. Aktiviti skala sederhana ini melibatkan perniagaan seperti pasar mini, restoren, hotel, perkakas elektrik dan kedai pakaian. Hakikat ini selaras dengan saiz modal pusingan perniagaan yang dibincangkan.

JADUAL 10. Anggaran modal pusingan perniagaan

Modal pusingan (RM)	Peratus
Kurang daripada 3,000	28.4
3,001 – 6,000	10.8
6,001 – 10,000	10.8
10,001 – 20,000	10.8
20,001 – 50,000	21.5
Melebihi 50,001	17.7
Jumlah	100.0

Peniaga di koridor ini umumnya adalah penduduk tempatan. Mereka berasal dari tempat-tempat di sekitar daerah Kemaman dan Dungun. Hanya sebilangan kecil mereka berasal dari luar daerah atau luar negeri Terengganu. Kebanyakan (57 peratus) mereka memulakan perniagaan selepas tahun 1990-an, manakala selebihnya (43 peratus) telah berniaga sejak sebelum 1990-an lagi. Ini menunjukkan kebanyakan peniaga bergiat selepas kawasan ini mengalami proses pemandaran dan perindustrian yang pesat. Sebahagian besar perniagaan mereka adalah untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan. Oleh itu, kebanyakan perniagaan adalah yang memberi perkhidmatan dan darjah pengkhususan perniagaan juga agak rendah, kecuali perniagaan perundingan kepakaran serta khidmat yang khusus berkaitan keperluan aktiviti perlombongan dan perindustrian seperti perundingan kejuruteraan, pembekalan peralatan menggerudi, khidmat baik pulih alat kejuruteraan, perkhidmatan keselamatan, khidmat penghantaran laju dan klinik kesihatan moden. Perniagaan yang bersifat khusus ini umumnya diceburi peniaga dari luar kawasan. Walaupun sudah ada tanda kemasukan peniaga dari luar kawasan, tetapi bilangannya belum banyak. Perkembangan industri dan proses pemandaran yang pesat kebelakangan ini dijangka akan meningkatkan lagi jumlah kemasukan peniaga luar.

Penemuan di atas menunjukkan keterlibatan isi rumah Melayu dalam aktiviti perniagaan bolehlah dianggap pada aras sederhana tinggi. Kebanyakan peniaga masih lagi terlibat dengan perniagaan skala kecil menjual makanan seperti perniagaan di pasar, warung dan kedai kecil. Mereka juga bermodal kecil. Walaupun ada sebahagian peniaga yang bermodal sederhana, tetapi bilangannya belum ramai dan kebanyakannya disertai peniaga etnik Cina yang berasal dari luar kawasan. Hakikat ini juga menunjukkan penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti perniagaan moden belum meluas.

## IMEJ ISI RUMAH MELAYU DALAM BIDANG EKONOMI

Status penglibatan orang Melayu dalam ekonomi moden boleh menunjukkan imej isi rumah Melayu dalam konteks pembangunan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Pada tanggapan umum, orang-orang Melayu di Pantai Timur, khususnya di Koridor Kemaman-Dungun, ketinggalan daripada pelbagai aspek pembangunan. Tanggapan negatif ini wujud sejak Zaman Abdullah Abdul Kadir Munsyi lagi. Walaupun orang-orang Melayu di Pantai Timur terkenal dengan minat yang tinggi dalam bidang perniagaan, tetapi kelebihan tersebut belum terbukti menghasilkan kejayaan. Kajian di koridor ini tidak sepenuhnya menunjukkan adanya perubahan yang ketara. Ikatan orang-orang Melayu dengan perniagaan tradisional di gerai dan kedai runcit belum sepenuhnya terungkai. *Status quo* orang Melayu dalam bidang ekonomi cenderung tidak banyak berubah. Ini terbukti kerana tidak ramai peniaga dan pengusaha Melayu melibatkan diri dengan subsektor ekonomi perkhidmatan, terutamanya yang

berkaitan perkilangan dan perlombongan yang rata-rata berisiko tinggi. Walaupun pihak kerajaan pusat mahupun negeri telah menyediakan pelbagai kemudahan dalam bentuk pinjaman modal, latihan kemahiran, tapak, peralatan dan sebagainya melalui program pembangunan luar bandar, industri desa, Program Pembangunan Rakyat Termiskin, belia berniaga dan sebagainya, tetapi sambutannya masih agak kurang menggalakkan.

Banyak faktor menjelaskan kurangnya penglibatan orang Melayu dalam aktiviti ekonomi moden, khususnya yang berskala besar di koridor ini. Selain masalah asas, seperti ketiadaan modal tempatan, mungkin terdapat masalah ketersampaian peluang, ketaksediaan orang-orang Melayu untuk menerokai bidang baru dan kurang berani mengambil risiko. Keadaan ini boleh menyebabkan peluang yang ada dimanfaatkan oleh peniaga dari luar kawasan, terutamanya bukan Melayu yang lebih berpengalaman dari bandar besar khususnya di Pantai Barat.

Sekiranya status penglibatan orang Melayu dalam aktiviti ekonomi moden tidak ditingkatkan, peluang untuk mewujudkan masyarakat peniaga dan pengusaha Melayu di kawasan pertumbuhan baru ini tidak dapat dicapai. Seterusnya usaha untuk meningkatkan imej dan martabat ekonomi isi rumah Melayu, khususnya melalui kesan limpahan aktiviti perlombongan dan pembuatan, tidak dapat dicapai. Oleh itu, satu dasar dan strategi wilayah bagi menangani masalah ini perlu dibentuk.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, rencana ini telah membincangkan perubahan ekonomi yang berlaku di Koridor Kemaman-Dungun serta status penglibatan isi rumah Melayu dalam perubahan tersebut. Penemuan petroleum dan gas di luar pantai Terengganu telah mendorong berlakunya proses perindustrian dan pambandan yang pesat. Proses ini telah banyak mengubah fungsi dan peranan bandar-bandar kecil di kawasan tersebut. Perubahan yang ketara daripada pusat pengumpulan keluaran pertanian dan perikanan kepada pusat perindustrian petrokimia moden dapat dilihat di sekitar Chukai, Kerteh dan Paka. Pembukaan peluang pekerjaan yang banyak telah menyebabkan ramai isi rumah yang meninggalkan pekerjaan tradisional dalam sektor pertanian dan perikanan ke sektor moden, khususnya pembuatan dan perkhidmatan. Kajian ke atas isi rumah di kawasan tersebut menunjukkan bahawa majoriti ketua isi rumah (61.7 peratus) juga anak-anak mereka bekerja dalam sektor bukan pertanian atau perikanan. Sektor moden yang menjadi tumpuan isi rumah di kawasan tersebut ialah pembuatan dan perkhidmatan, khususnya perniagaan. Bagaimanapun, ramai peniaga yang dikaji didapati hanya terlibat dalam aktiviti perniagaan skala kecil. Hanya sebahagian kecil peniaga yang terlibat dengan perniagaan skala sederhana. Kebanyakan peniaga skala sederhana ini adalah etnik Cina yang berasal dari luar kawasan.

Proses perindustrian dan pemandaran yang kian pesat itu dijangka membuka peluang perniagaan yang lebih besar di koridor tersebut. Potensi untuk melibatkan penduduk tempatan dalam aktiviti ekonomi moden tersebut juga kian besar. Jika ini berlaku, peluang untuk penduduk koridor tersebut memperbaiki taraf hidup mereka pada masa hadapan juga meningkat.

## RUJUKAN

- Abdullah Abdul Kadir Munshi. 1964. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Appalraju, J. & Safier, M. 1976. Growth Centre Strategies in Less Developed Countries. Dlm. Gilbert, A. (pnyt), *Development Planning and Spatial Structure*. London: John Wiley.
- Dungun. 2000. Taklimat Pembangunan Daerah Dungun. Dungun: Pejabat Daerah Dungun.
- Firth, R. 1943. The Coastal People of Kelantan and Terengganu, Malaysia. *The Geographical Journal* 101(5 & 6): 193-205.
- Fu Chen-Lo & Kamal Salih. 1976. Growth Poles and Regional Policies in Open Dualistic Economies: Western Theories and Asian Reality. Dlm. *Growth Pole and Regional Development Planning in Asia*. Proceedings of the Seminar on Industrialisation Strategies and Growth Poles Approach to Regional Planning and Development: The Asian Experience. Nagoya, Japan 4th–13th November 1975. Nagoya: UNCRD.
- Hansen, N. M. 1981. Development from Above: the Center-Down Development Paradigm. Dlm. Stohr, W. B. & Taylor, D. R. F. (pnyt.), *Development from Above or Below*. New York: Wiley & Sons.
- Hermansen, T. 1972. Development Poles and Development Centers in National and Regional Development: Elements of a Theoretical Framework. Dlm. Hansen, N. M. (pnyt.), *Growth Poles in Regional Economic Development*. New York: Free Press.
- Malaysia. 2001. *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan, 2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Katiman Rostam. 1998. Perkembangan Industri Perkilangan dan Pemandaran di Lembah Langat, Selangor. Dlm. Katiman Rostam, Abd Rahim Md Noer, Junaidi Abu Bakar, Kadaruddin Aiyub dan Mohd Ekhwan Toriman (pnyt.), *Pembangunan, Pemandaran dan Alam Sekitar*. Bangi: Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kemaman. 2001. *Profil Pembangunan Daerah Kemaman*. Gong Badak, (KT): Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Khairus Husin. 2002. *Pembangunan Perindustrian di Kerteh dan Kesannya Terhadap Kegiatan Perniagaan di Paka, Dungun, Terengganu*. Bangi: Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majlis Daerah Dungun. 2000. *Rancangan Tempatan Dungun-Paka: Garis Panduan Pelaksanaan*. Dungun: Majlis Daerah Dungun (2 Jilid).
- Pejabat Daerah Dungun. 2000. Taklimat Pembangunan Daerah Dungun. Dungun: Pejabat Daerah Dungun.
- Terengganu. 1999a. *Pembangunan Terengganu Dahulu dan Sekarang*. Kuala Terengganu: Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu.

- \_\_\_\_\_. 1999b. *Profil Pembangunan Negeri Terengganu Darul Iman*. Kuala Terengganu: The State Economic Planning Unit.
- \_\_\_\_\_. 2001a. *Data Asas 2000*. Kuala Terengganu: The State Economic Planning Unit.
- \_\_\_\_\_. 2001b. *Terengganu, Malaysia: The Land of Golden Opportunities*. Kuala Terengganu: The State Economic Planning Unit.
- \_\_\_\_\_. 2002. *Laporan Ekonomi Negeri Terengganu 2001/02*. Kuala Terengganu: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd..

Katiman Rostam, Ph D  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
e-mail: katman@pkrisc.cc.ukm.my